

**Justifikasi Qiraat Di Dalam Manuskip *Ta'mim Al-Manafi'*  
*Bi Qiraat Al-Imam Nafi'* Karangan Al-Tarmasi**

Hayati binti Hussin<sup>1</sup>, Abdul Rahim bin Ahmad<sup>2</sup>, Zainora binti Daud<sup>1</sup> &  
Muhammad Lukman bin Ibrahim<sup>1</sup>

Email: [hayati.hussin@usim.edu.my](mailto:hayati.hussin@usim.edu.my)

<sup>1</sup>Pensyarah kanan di Fakulti al-Quran dan al-Sunnah, USIM

<sup>2</sup>Fellow penyelidik kanan di IKMAS, UKM

**Abstrak**

Ilmu Qiraat merupakan suatu ilmu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk membaca al-Quran dengan satu bentuk atau pelbagai bentuk bacaan yang berbeza. Bacaan tersebut seterusnya disandarkan kepada imam dan perawi yang menaqlkan riwayat bacaan itu. Kertas kerja ini merupakan suatu usaha untuk menilai justifikasi Qiraat yang terdapat di dalam manuskrip *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'*. Ia adalah sebuah manuskrip hasil karangan al-Tarmasiy, seorang ulama Nusantara terbilang di zamannya, di dalam pelbagai bidang. Metodologi kajian yang digunakan menjurus ke arah kajian kualitatif dengan mencakupi sumber maklumat daripada manuskrip *Ta'mim* kitab-kitab Qiraat serta laman sesawang. Hasil kajian mendapati terdapat dua justifikasi yang terdapat di dalam manuskrip ini, iaitu bersifat individu dan kolektif. Selain daripada itu Qiraat-Qiraat di dalam manuskrip *Ta'mim* ini merupakan Qiraat yang sah lagi *mutawatir*.

**Kata Kunci:** *al-Tarmasiy, Manuskip *Ta'mim al-Manafi'* dan Justifikasi Qiraat.*

**Abstract**

Science Discipline of Qiraat is a knowledge revealed by Allah S.W.T to the prophet P.B.U.H. to teach him to recite the Quran in various methods of recitation. The knowledge was learned by imam and narrators who then recorded and narrate it. The paper aims to evaluate the justification of Qiraat that existed in the manuscript of *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'* it is a manuscript written by al-Tarmasiy, a famous archipelago scholars in various field. The research methodology is a qualitative study which mainly based on the manuscript of *Ta'mim* and the books of Qiraat as well as the webpage. The finding indicates that there are two justifications exist in this manuscript, namely, individual and collective. In addition, all Qiraat in the *Ta'mim* manuscript are valid and *mutawatir*.

**Keywords:** *al-Tarmasiy, manuscript of *Ta'mim al-Manafi'*, justification of Qiraat*

## 1. Pengenalan

Justifikasi Qiraat berperanan penting dalam disiplin Ilmu Qiraat. Ia dapat disamakan dengan penarafan hadis dalam Ilmu Ulum Hadith. Justifikasi Qiraat bermaksud pembahagian Qiraat mengikut jenis-jenisnya. Ianya merujuk kepada pembahagian yang telah dilakukan oleh ulama terdahulu di dalam bidang ini. Terdapat pelbagai jenis pembahagian yang dikemukakan oleh para ulama seperti Mutawatir, Sahih dan Shadhdh (Muhammad Umar Salim 1991).

Penghasilan karya Qiraat biasanya dibuat oleh sarjana-sarjana Islam berbangsa arab. Sumbangan oleh seorang tokoh ulama Qiraat dari Nusantara adalah satu kejutan yang bakal merubah peta minda sejarah perkembangan ilmu ini, khususnya di alam Melayu.

Al-Tarmasi sebenarnya telah menghasilkan enam buah karya dalam bidang Qiraat (Muhammad Mahfuz Abdullah 1907). Maka dari aspek nombor, bidang Qiraat merupakan bidang yang paling banyak hasil karyanya berbanding bilangannya dalam bidang hadith, Fiqh dan Usul

## Fiqh.

Dalam kalangan ulama Nusantara, al-Tarmasi berada di hadapan sekali dalam menghasilkan karya Qiraat. Manuscrip *Ta'mim* pula merupakan salah satu karya al-Tarmasiy yang masih berada dalam bentuknya yang asal serta belum ditakhik. Manuscrip ini berkaitan dengan Qiraat Imam Nafi' dan dua orang perawinya iaitu Qalun dan Warsh. Kandungannya mengandungi Qiraat tujuh dalam *Bab al-Usul* dan *Bab al-Farsh*. Oleh yang demikian, justifikasi Qiraat ini dibuat untuk mengetahui Qiraat yang bersumberkan al-Shatibi. Nama beliau al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad. Dikenali dengan gelaran Imam Abu Muhammad dan Abu al-Qasim al-Ru'aini al-Andalusi al-Shatibi. Seorang yang bermazhab Shafi'i. Dilahirkan dalam keadaan buta pada akhir tahun 538H di Andalus (Sepanyol) disebuah perkampungan yang bernama Shatibah (sekarang dalam daerah Barcelona). Di Shatibah beliau mempelajari al-Quran dan Qiraat daripada gurunya Abi Abdullah Muhammad bin Abi al-'As al-Nafazi. Beliau mempelajari ilmu Qiraat dan telah menghafal kitab al-Taysir karangan Imam Abu 'Amr al-Dani dan juga mempelajari ilmu hadith. Beliau juga telah mempelajari ilmu Qiraat dari Syaikh Abi Tahir al-Salafi di Iskandariah, Mesir. Apabila beliau sampai ke Mesir, beliau telah diberi penghormatan yang tinggi oleh ulama-ulama Mesir dan telah dilantik sebagai ketua lajnah al-Quran oleh raja Mesir pada ketika itu. *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'* adalah antara kitab karangnya yang terkenal serta memuatkan pelbagai nasihat dan saranan kepada pencinta ilmu Qiraat. Beliau meninggal dunia setelah berusia 52 tahun pada hari Ahad selepas asar bersamaan 28 Jamadil Akhir tahun 590H dan dikebumikan pada hari Isnin di atas Jabal Muqattam di Mesir (Al-Dhahabi, 'Uthman 1988).

Selain daripada itu, justifikasi Qiraat ini juga dibuat untuk mengetahui Qiraat yang bersumberkan dari Ibn al-Jazari. Beliau ialah Abu Khayr Shams al-Din Mohammad bin Mohammad bin Mohammad bin 'Ali Ibn Yusuf bin al-Jazari. Dilahirkan pada 25 Ramadhan 751H dan dibesarkan di Damsyik. Beliau mula menghafaz al-Quran ketika berusia 13 tahun. Di antara guru beliau di dalam ilmu Qiraat ialah Abd al-Wahhab bin Sular, Ahmad bin Ibrahim al-Tahhan, Ahmad bin Rajab al-Baghdadi, Ibrahim al-Hamawi dan ramai lagi. Pada tahun 768 Hijrah beliau telah pergi menunaikan haji. Di kesempatan itu beliau telah membaca di hadapan Imam dan Khatib masjid Abi Abdillah Mohammad Ibn Salih. Pada tahun 769 Hijrah beliau bermusafir ke Mesir selama tiga tahun dan bertalaqqi dengan ulama Qiraat di Kaherah. Pada tahun 774H beliau telah mendapat keizinan daripada Abu al-Fida' Isma'il Ibn Kathir untuk berfatwa. Ijazah tersebut juga telah dianugerahkan oleh Diya' al-Din pada tahun 778H dan al-Bulaqimi pada tahun 785H. Kedudukan Ibn al-Jazari dalam ilmu Qiraat diiktiraf sama ada pada zamannya dan sesudahnya. Pengiktirafan tersebut diperolehi hasil daripada usaha beliau di dalam mendalami ilmu ini. Ibn al-Jazari merupakan ulama' yang banyak menghasilkan pelbagai penulisan-penulisan yang berharga. Penulisannya meliputi 'Ulum al-Quran, 'Ulum al-Hadith dan al-Qiraat. Walaubagaimanapun, penulisan beliau lebih terselar di dalam bidang Qiraat. Di antara kitab-kitab karangan beliau yang masyhur ialah *Al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, *Taqrib al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*, *Ghayat al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*, *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Talibin*, *Tahbir al-Taysir fi al-Qira'at al-'Ashr* (Ibn al-Jazari 2000). Justifikasi ini dibuat mengikut *Bab al-Usul* yang terdapat di dalam manuscrip *Ta'mim*.

### i. Biodata al-Tarmasi

Nama beliau ialah Muhammad Mahfuz bin Abdillah bin Abd al-Mannan al-Tarmasi. Lahir di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 6 Safar tahun 1280H (22 Julai 1863M) atau 12 Jamadilawal 1285H (31 Ogos 1868M) (Muhammad Mahfuz Abdullaah 1903).

Terdapat sedikit percanggahan mengenai tarikh lahir beliau. Cucu beliau, Harir ketika memperkenalkan biodata datuknya pada permulaan kitab *al-Khal'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah* menyebut: "Tahun kelahiran beliau dipersilisihkan orang. Ada yang

mengatakan bahawa tahunnya ialah 1285H. Ia merupakan pendapat Shaykh Yasin Padang ([lms.kuis.edu.my/.../Hadis\\_Jurnal\\_Bil\\_1\\_2.](http://lms.kuis.edu.my/.../Hadis_Jurnal_Bil_1_2.)) di penutup Kitab *Kifayat al-Mustafid* (Muhammad Mahfuz Abdullah 1903).

## ii. Manuskrip *Ta'mim*

Manuskrip *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'* merupakan salah sebuah manuskrip Qiraat yang dikarang oleh al-Tarmasi di dalam bidang Qiraat. Jumlah halaman manuskrip ini ialah sebanyak 332 lembaran. Manuskrip ini disempurnakan pada hari Sabtu, 20 Zulkaedah tahun 1324H bersamaan 5 Januari tahun 1907M di Mekah setelah setahun ditulis secara anggaran, iaitu bermula pada penghujung tahun 1323H bersamaan dengan permulaan tahun 1906M.

Judul manuskrip ini bermaksud: ‘Penyebaran Manfaat Dengan Qiraat Imam Nafi’. Manuskrip ini merupakan salah satu karya al-Tarmasi yang memberi impak besar serta signifikan dalam bidang Qiraat. Ia menonjolkan nama beliau sebagai seorang tokoh yang prolifik dalam bidang Qiraat. Manuskrip ini berkaitan dengan Qiraat Imam Nafi dan dua orang perawinya iaitu Qalun dan Warsh.

Kandungannya mengandungi Qiraat tujuh dalam bab *Usul* dan *Farsh*. Al-Tarmasi berkata: “Aku (turut) menerangkan di dalam kitab ini apa-apa yang biasa diperselisihkan bacaan daripada baki tujuh Imam Qiraat dari aspek *Usul* dan *Farsh*”.

Metode penulisan al-Tarmasi diselaraskan dengan majoriti kitab-kitab Qiraat beliau yang lain seperti yang akan dapat dilihat nanti. Pendekatan yang digunakan ialah menulis *Bab al-Usul* dahulu kemudian diikuti dengan *Bab al-Farsh*. Cara ini dapat memudahkan para pembaca untuk memahami isi kandungannya.

Walaupun menamakan manuskripnya ini dengan perkataan yang membayangkan maksud pendekitan dan panjang lebar (*Ta'mim*), al-Tarmasi menegaskan bahawa beliau sedaya-upaya akan meringkaskan isinya dengan memberi penjelasan secara padat. Beliau juga berusaha mengelakkan timbulnya perasaan sukar bagi mereka yang membaca manuskrip ini. Oleh itu, beliau memilih nama *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'* yang bermaksud Penyebaran Manfaat Dengan Qiraat Imam Nafi' (Muhammad Mahfuz Abdullah 1907): Kata al-Tarmasi:

”وَمِنْ ثُمَّ سَمِّيَّتْهَا: "تَعْمِيمُ الْمَنَافِعِ بِقِرَاءَةِ الْإِمَامِ النَّافِعِ". وَأَنَا أَسْأَلُ اللَّهَ بِجَاهِ الْحَبِيبِ الْأَعْظَمِ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَنْ يُوقَنِي لِلِّإِتَّفَاقِ، وَيُحْفَظَنِي مِنْ زَيْغِ الْأَقْلَامِ، وَأَنْ يَجْعَلَهَا فِي حِيزِ النَّفْعِ وَالْقَبُولِ. فَإِنَّهُ نَهَايَةُ الْمَأْمُولِ، أَمِينٌ يَا مَحِبُّ كُلِّ سُؤْلٍ“.

Al-Tarmasi menggunakan tiga buah kitab sebagai rujukan asas ketika mengarang kitab ini. Kitab-kitab tersebut adalah hasil nukilan Ahmad bin Muhammad al-Banna, Ibn al-Jazari dan al-Shatibi. Kitab ini disempurnakan dalam tempoh setahun. Beliau telah menyempurnakan penulisan Manuskrip *Ta'mim* pada tahun 1324H bersamaan tahun 1907M di Mekah.

Naskhah manuskrip *Ta'mim* yang dikaji dalam kajian ini merupakan naskhah tunggal atau disebut juga sebagai *codex unicus*. Setelah dilakukan penelitian, pencarian dan penjejakan, ternyata hanya naskhah yang ditemui adalah satu-satunya naskhah yang ada. Dalam pendekatan filologi, naskhah tunggal sebegini boleh dikaji dan dianalisis dengan menggunakan dua metode yang dipanggil Metode Diplomatik dan Metode Standard (Edwar Djamaris.2002).

Secara ringkas, Metode Diplomatik adalah pendekatan yang bersifat penyalinan semula tanpa sebarang campur tangan daripada pengkaji. Tujuannya adalah sebagai membuktikan keaslian sesuatu manuskrip dalam bentuknya yang sedia ada. Metode ini adalah kurang sesuai bagi tujuan kajian yang sedang dilakukan kerana matlamat kajian adalah untuk melihat ketokohan al-Tarmasi dalam bidang Qiraat. Ia tidak akan dapat dilihat sekiranya manuskrip hanya ditampilkan tanpa sebarang suntingan biasa yang menepati ciri-ciri teks moden. Tambahan pula, tanpa pembahagian

bab, tanda bacaan dan penetapan ayat al-Quran, hadith serta rujukan-rujukan lain pada nota kaki, pembaca yang memiliki keupayaan akademik tidak akan dapat menilainya dengan baik.

Metode Standard pula merupakan pilihan penulis di dalam kajian ini. Ini kerana, beberapa langkah filologi di dalam metode ini dilihat mampu memberikan manfaat yang optimum kepada pembaca serta menonjolkan sesuatu yang baharu dari aspek akademik dan keilmuan. Langkah-langkah tersebut adalah (Edwar Djamaris.2002):

- a. Menyalin semula teks.
- b. Membetulkan kesalahan teks.
- c. Membahagikan teks ke dalam beberapa bab.
- d. Membuat catatan penambahbaikan dan perubahan pada nota kaki.
- e. Memberi komentar serta tafsiran-tafsiran ketika ada keperluan pada nota kaki.

Oleh kerana bidang yang disentuh oleh disiplin filologi adalah terlalu khusus, iaitu biasanya pada aspek bahasa dan kesusasteraan sahaja, sementara di sisi lain ia membandingkan bahasa-bahasa lama, maka istilah filologi dan penggunaan termanya disisihkan daripada kajian ini. Walaubagaimanapun, penulis dapat memanfaatkan beberapa elemen kajian yang terdapat di dalamnya, terutamanya pada aspek kajian naskhah tunggal dan sebagainya.

## 2. Justifikasi Qiraat

Di dalam manuskrip *Ta'mim*, al-Tarmasi membawa manhaj Imam Nafi' dan dua orang perawinya, Qalun dan Warsh. Seperti yang diketahui, Qiraat Imam Nafi' merupakan salah satu daripada *al-Qira'at al-Sab'*. Riwayat-riwayat *al-Qira'at al-Sab'* yang disebutkan oleh beliau dalam manuskrip ini pula diambil daripada *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-'Arba'ata al-'Ashr* karangan al-Banna, *Hirz al-Amani wa al-Wajh al-Tahani fi al-Qira'at al-Sab'* karya al-Shatibi dan *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr* nukilan Ibn al-Jazari. Selain daripada itu, beliau juga merujuk kepada beberapa buah kitab-kitab Qiraat muktabar yang lain.

Daripada kajian terhadap manuskrip ini, penulis mendapati al-Tarmasi hanya mengambil riwayat yang disandarkan kepada *al-Qira'at al-Sab'* sahaja. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa al-Tarmasi hanya memuatkan Qiraat yang *mutawatirah* di dalam manuskripnya ini.

Justifikasi secara individu perbahasannya menjurus kepada Imam-imam *Qurra' Sab'ah*, manakala justifikasi secara kolektif terkandung di dalam istilah *Ahl al-Hijaz*, *Jama'ah*, *Jumhur*, *al-Misriyyin* dan *al-Maghribah* yang digunakannya. Penerangan kedua-dua kategori ini adalah seperti berikut:

### Pertama: Justifikasi Individu

Di dalam manuskrip *Ta'mim*, al-Tarmasi membuat kupasan yang detil berkaitan dengan manhaj Imam Nafi'. Bermula dengan *Bab al-Idgham* hingga bab yang terakhir dalam *Bab al-Usul* iaitu *Bab Umm al-Quran*. Beliau mendahulukan manhaj Imam Nafi' disetiap *Bab al-Usul* yang dibawa. Pendekatan beliau bersesuaian dengan tajuk manuskrip ini iaitu *Ta'mim al-Manafi' bi Qiraat al-Imam Nafi'*. Manuskrip ini sebenarnya membincangkan manhaj Imam Nafi' dan juga perawi-perawinya iaitu Qalun dan Warsh.

Setelah manhaj imam Nafi' diterangkan, perbahasan berkaitan manhaj *Qurra' Sab'ah* yang lain turut terlibat di dalam sesuatu bab yang diperselisihan. Al-Tarmasi menyebut *al-Qira'at al-Sab'* di dalam manuskripnya ini sebagaimana berikut:

#### a. Imam Nafi'

Nama beliau ialah Nafi' bin Abd al-Rahman bin Abi Na'im al-Laisi. Gelarannya Abu Ruwaym. Beliau merupakan qari di al-Madinah al-Munawwarah. Berasal daripada Asbahan. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada 7 orang tabi'in diantaranya ialah al-Away, Abu Ja'far al-

Madaniy dan Syaibah bin Nasah. Bacaan al-Quran Warsh tersebar luas dan diamalkan di negara Mesir, Sudan, Libia dan Tunisia. 2 orang rawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripada beliau ialah 'Isa bin Mina terkenal dengan gelaran Qalun (Wafat 205H) dan 'Uthman bin Sa'id yang masyhur dengan gelaran Warsh (Wafat 198H), (Al-Dhahabi, 'Uthman.1988).

Imam Nafi' menguasai keseluruhan manhaj Qiraat di dalam manuskrip ini. Al-Tarmasi pada tempat yang tiada perselisihan bacaan, beliau hanya menyebut nama Imam Nafi' sahaja tanpa menyebut Qalun dan Warsh. Dalam *Bab Dal Idh* contohnya:

﴿إِذْ تَبَرَّأُ﴾

(Al-Quran, al-Baqarah, 2:166).

Al-Tarmasi menyebut bahawa Imam Nafi' membacanya dengan *Izhar* pada kesemua tempat yang dibahaskan di dalam bab ini.

Adapun pada bab yang mempunyai perselisihan bacaan di antara Qalun dan Warsh, maka beliau akan menyebutnya secara detil. Sebagai contoh dalam *Bab Dal Qad*. Imam Nafi' daripada riwayat Qalun membaca dengan *Izhar* pada semua tempat yang disebutkan di dalam bab ini. Walaubagaimanapun Imam Nafi' daripada riwayat Warsh pula membaca *Idgham* pada huruf (ض) dan (ظ).

#### b. Imam Abu 'Amr

Nama beliau ialah Abu 'Amr bin al-'Ala' bin Al-Maziniy. Berasal daripada Bani Mazin. Dilahirkan di Mekah pada tahun 68H. Beliau dibesarkan di Basrah. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada kalangan tabi'in diantaranya Ibn Kathir, Mujahid dan Sa'id bin Jubayr. 2 orang rawi yang masyhur mengambil baaan daripada beliau ialah Abu Hafs 'Amr al-Duriy (Wafat 246H) dan Abu Shu'ayb Salih bin Ziyad terkenal dengan gelaran al-Susiy (Wafat 261H), (Al-Dhahabi, 'Uthman.1988).

Al-Tarmasi pada kebiasaananya menyebut nama imam *Qurra'* *Sab'ah* di dalam manuskripnya ini berbanding para perawinya. Beliau hanya menyebut nama seperti Imam Abu 'Amr tanpa menyebut nama perawinya iaitu al-Durriy dan al-Susi. Sebagai contoh di dalam surah al-Fatiyah ayat 3-4:

﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾

Beliau menyebut di antara *qurra'* yang masyhur membaca dengan *idgham* ialah Abu 'Amr al-Basriy.

#### c. Imam Ibn Kathir

Nama beliau Abdullah bin Kathir dengan gelaran Abu Ma'bad. Berasal dari Parsi. Mengambil bacaan al-Quran daripada Abdullah bin al-Sayib al-Makhzumi. Dua orang rawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripadanya ialah Abu al-Hasan Ahmad bin Ahmad Ibn Abdullah terkenal dengan gelaran al-Bazziy (Wafat 250H) dan Muhammad Abd al-Rahman yang masyhur dengan gelaran Qunbul (Wafat 291H). (Al-Dhahabi, 'Uthman.1988).

Al-Tarmasi juga membahaskan manhaj Imam Ibn Kathir pada empat bab sahaja. Beliau hanya menyebut nama Imam tanpa menyebut perawinya. Di antara bab-bab yang dibincangkan ialah *Bab al-Madd wa al-Qasr*, *Bab al-Hamazat Tahqiqan wa Takhfifan*, *Bab al-Fath wa al-Imalah* dan *Bab Umm al-Quran*.

Walaubagaimanapun, setiap bab ini hanya didatangkan secara ringkas sahaja. Sebagai contoh di dalam *Bab al-Fath wa al-Imalah*, al-Tarmasi menyebut bahawa Imam Ibn Kathir di

antara *qurra'* yang tidak mengaplikasikan bacaan *Imalah* dalam manhajnya.

#### d. Ibn 'Amir

Nama beliau ialah Abdullah bin 'Amir al-Yahsabiy Abu 'Imran. Beliau merupakan imam Qiraat di Sham. Dilahirkan di sebuah kampung yang bernama Rihab. Ketika kewafatan baginda Rasulullah s.a.w. beliau berusia dua tahun. Berpindah ke Damsyik ketika berusia 7 tahun. Mengambil bacaan al-Quran daripada 'Uthman bin 'Affan r.a. dan Abu Darda' dan Mughirah bin Abi Syihah. Meninggal dunia di Damsyik pada tahun 1118 H ketika pemerintahan Hisyam bin 'Abdul Malik. dua orang rawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripada beliau ialah Hisham bin 'Imad al-Dimashqi (Wafat 245H) dan 'Abdullah bin Ahmad bin Bashir bin Zaqwani (Wafat 242H), (Al-Dhahabi, 'Uthman.1988).

Di dalam manuskrip *Ta'mim al-Tarmasi* hanya menyebut Imam Ibn 'Amir pada Bab *al-Madd wa al-Qasr* dan Bab *al-Waqf 'Ala Marsum al-Khatt*. Beliau hanya menyebut dengan ringkas. Sebagai contoh al-Tarmasi menyebut di dalam Bab *al-Waqf 'Ala Marsum al-Khatt*, hanya Imam Ibn 'Amir sahaja membaca dengan membariskan hadapan pada huruf *ha'* pada perkataan ﴿أَيْضُ﴾ apabila bacaannya bersambung. Ianya diaplikasikan pada tiga surah surah iaitu al-Nur, al-Zukhruf dan al-Rahman sahaja (al-Dhahabi, 'Uthman.1988)

#### e. Imam 'Asim

Nama beliau ialah 'Asim bin Abi al-Najud al-Asadi. Gelaran beliau ialah Abu Bakr. Beliau merupakan imam bacaan al-Quran di Kufah selepas kewafatan gurunya. Beliau telah mengambil bacaan al-Quran daripada Abi Abd al-Rahman al-Salmi. Abu Abd al-Rahman al-Salmi pula mengambil bacaan al-Quran daripada 'Aliy bin Ibn Mas'ud. Dua orang rawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripada beliau ialah Abu Bakr bin 'Iyash (Wafat 193H) dan Hafs bin Sulayman (Wafat 73H), (Al-Dhahabi, 'Uthman.1988).

Perbincangan berkaitan manhaj Imam 'Asim juga diterangkan pada beberapa bab di dalam manuskrip ini. Di antara bab-bab tersebut ialah Bab *Ha' al-Kinayah*, Bab *al-Madd wa al-Qasr*, Bab *Ya'at al-Idafah* dan Bab *Umm al-Quran*.

Di dalam Bab *Ya'at al-Idafah* al-Tarmasi menyebut nama perawi bagi Imam 'Asim iaitu Shu'bah. Hal ini kerana hanya Shu'bah saja yang mengaplikasikan manhaj ini. Sebagai contoh beliau akan membaca dengan baris atas pada huruf *Ya'* pada perkataan ﴿يَعِبَادَ لَا حَوْفٌ﴾ di dalam surah al-Zukhruf jika bacaannya bersambung.

#### f. Imam Hamzah

Nama beliau ialah Hamzah bin Habib al-Ziyat al-Kufiy. Gelaran beliau ialah Abu 'Umarah. Beliau seorang yang kuat hafazannya. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada Abu Ja'far al-Sadiq, al-A'masy, Muhammad bin 'Abdul Rahman bin Abi Laila dan Talhah bin Masraf. dua orang rawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripada beliau ialah Khalaf bin Hisyam Al-Asadi Al-Baghdadi (Wafat 229H) dan Khalad bin Al-Shaibani (Wafat 220H) (Al-Dhahabi, 'Uthman 1988).

Aplikasi manhaj Imam Hamzah turut disebut oleh al-Tarmasi pada lima bab di dalam manuskrip ini. Bab-bab tersebut ialah Bab *al-Idgham al-Kabir*, Bab *al-Madd wa al-Qasr*, Bab *al-Waqf 'Ala Marsum al-Khatt*, Bab *al-Isti'adhah* dan Bab *Umm al-Quran*. Begitu juga dengan Imam Hamzah disebut tanpa menyatakan perawinya Khalaf dan Khalad.

Penerangan al-Tarmasi terhadap manhaj Imam Hamzah juga dibuat secara ringkas seperti *qurra'* *al-Sab'ah* yang lain. Sebagai contoh di dalam Bab *Umm al-Quran* beliau menyatakan bahawa Imam Hamzah membaca huruf *ha'* dengan baris hadapan pada perkataan ﴿إِلَهُنَّ مَنْ لَدُنْهُمْ﴾ yang terdapat di dalam al-Quran.

### g. Imam al-Kisa'iy

Nama beliau ialah Ali bin Hamzah bin Abi al-Hasan al-Kisa'iy al-Asadi. Beliau mengambil bacaan al-Quran daripada Hamzah, Muhammad bin Abi Laila, Umar al-Madaniy. Kemudian beliau berpindah ke Basrah dan belajar bahasa daripada al-Khalil bin Ahmad. Terdapat ramai orang yang mendengar serta mengambil bacaan al-Quran daripada beliau. 2 orang perawi yang masyhur mengambil bacaan al-Quran daripadanya ialah Abu Al-Harith bin Khalid (Wafat 240H) dan Abu 'Amr Hafs Al-Duri (Wafat 246H), (al-Dhahabiy, 'Uthman 1988).

Imam al-Kisa'iy disebut perbahasannya di dalam *Tā'mim* pada empat bab iaitu *Bab al-Madd wa al-Qasr*, *Bab Tafkhim al-Ra'at wa Tarqiqiha*, *Bab al-Waqf 'Ala Marsum al-Khatt* dan *Bab Umm al-Quran*.

Apabila terdapat khilaf bacaan yang berlaku di kalangan perawi maka al-Tarmasi akan menyebut nama Imam berserta perawi yang mengaplikasikan manhaj bacaan tersebut. Sebagai contoh di dalam *Bab Tafkhim al-Ra'at wa Tarqiqiha* al-Tarmasi menyebut al-Durriy al-Kisa'iy membaca dengan Tarqiq huruf *Ra'* pada perkataan {أَسْرَى}.

### Kedua: Justifikasi Kolektif

Al-Tarmasi di dalam karyanya ini turut membawa perbahasan yang disandarkan kepada *qurra'* secara kolektif (berkumpulan). Al-Tarmasi menyebut imam-imam *Qurra' Sab'ah* secara kolektif di dalam manuskripnya ini sebagaimana berikut:

#### a. *Ahl al-Hijaz*

Terdapat beberapa buah bab yang dibincangkan oleh al-Tarmasi dengan menyebut istilah *Ahl al-Hijaz* ataupun *al-Hijaziyyin* ketika menerangkan sesuatu manhaj bacaan. Walaubagaimanapun ianya hanya digunakan pada tiga bab sahaja iaitu *Bab al-Hamazat Tahqiqan wa Takhfifan*, *Bab al-Fath wa al-Imalah* dan *Bab Umm al-Quran*.

Sebagai contoh di dalam *Bab al-Fath wa al-Imalah* al-Tarmasi memberi maksud perkataan *al-Fath* dan *al-Imalah*. Beliau mengatakan bahawa bacaan dengan *al-Fath* merujuk kepada ahli Hijaz iaitu Imam Nafi<sup>c</sup> dan Ibn Kathir.

#### b. *Jam'ah, Jumhur, al-Maghribah* dan *al-Misriyyin*

Ketiga-tiga istilah ini turut digunakan oleh al-Tarmasi secara berulang kali. Ia memberi maksud umum tanpa mengaitkan dengan mana-mana *qurra'* melainkan apabila disebut sebahagian daripada mereka.

Istilah *Jama'ah* disebut sebanyak 33 kali. *Jumhur* pula disebut sebanyak 31 kali, manakala *al-Maghribah* sebanyak enam kali dan *al-Misriyyin* sebanyak 3 kali sahaja.

### 3. Penggunaan istilah *Tariq* oleh al-Tarmasi

Al-Tarmasi merupakan tokoh prolifik yang mengarang dalam pelbagai bidang berbekalkan ilmu pengetahuannya yang bervariasi. Kebolehan bahasanya kadang-kadang boleh meletakkan seseorang pembaca pada kedudukan salah tanggapan. Ini berikutan sesuatu perkataan yang mungkin penggunaannya berdasarkan maksud bahasa dan istilah sekaligus.

Dalam konteks penggunaan lafadz *Tariq*, kadang-kadang al-Tarmasi menggunakaninya dengan maksud sumber bacaan berdasarkan kitab-kitab Qiraat sahaja tanpa mengaitkannya dengan maksud *Tariq* yang digunakan dalam istilah ilmu Qiraat.

Sebagai contoh, dalam *Bab al-Fath wa al-Imalah* beliau menggunakan istilah *Tariq* dengan menyandarkannya kepada beberapa buah kitab Qiraat di antaranya *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-'Ashr* karangan Ibn al-Jazari, *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-Arba'ata 'Ashar* karangan Ahmad bin Muhammad al-Banna dan *Hirz al-Amani wa al-Wajh al-Tahani fi al-Qiraat al-Sab'*

karangan al-Shatibi. Nasnya seperti berikut (Muhammad Mahfuz Abdullah 1907):

"وَهَذِهِ الْخَمْسُ هِيَ الْمَقْرُوءَةُ مِنْ طُرُقِ الطَّيْبَةِ وَالإِتْحَافِ وَمَنْعِ الشِّيْخِ سُلْطَانٍ. الثَّانِيَةُ مِنْ طَرِيقِ الْحَرْزِ، لَاَنَّ مَنْ رَوَاهَا لَيْسَ مِنْ طُرُقِ الشَّاطِئِيَّةِ...".

Manakala di dalam disiplin ilmu Qiraat pula, bacaan setiap Qiraat yang mutawatir, susur galur periyatannya bermula daripada seorang imam. Kemudian beliau pula mempunyai dua orang perawi. Setiap perawi pula seterusnya mempunyai dua jalan bacaan.

Maksud *Tariq* secara istilah ini juga digunakan oleh al-Tarmasi. Terdapat beberapa bab yang menyentuh perihal ini. Begitu juga al-Tarmasi menfokuskan dua orang perawi Qiraat Nafi' iaitu Qalun dan Warsh. Di samping itu, beliau juga membawa perbezaan bacaan yang berpunca daripada perbezaan *tariq* yang berlaku di kalangan *Qurra' Sab'ah* yang lain. Di antara rawi-rawi yang disebut *tariqnya* di dalam manuskrip ini ialah Qalun daripada Tariq Abi Nashit dan al-Hulwani dan Warsh daripada Tariq al-Azraq dan al-Asbahani.

Di samping itu, beliau juga menyebut nama beberapa *qurra'* lain tanpa menerangkan perbezaan yang berlaku secara detil. Penjelasannya adalah seperti berikut:

#### i. Qalun daripada Tariq Abi Nashit dan al-Hulwani

Apabila tiada berlaku perbezaan bacaan di antara Qalun dan Warsh di dalam sesuatu bab yang dibahaskan, sebagai contoh bab *Bab Dhal Idh*, maka beliau akan menyebut bahawa Imam Nafi' beserta kedua-dua riwayat bersepakat membacanya dengan *izhar*. Pendekatan ini turut diaplikasikan pada semua bab yang tidak timbul perbezaan di antara kedua-duanya.

Ketika terdapat perbezaan yang berlaku di antara Qalun dan Warsh pula, maka beliau akan menerangkan dengan detil perbezaan yang berlaku.

Di dalam manuskrip ini, al-Tarmasi membawa perbezaan bacaan yang berlaku di antara Qalun dan Warsh yang berpunca daripada perbezaan *Tariq*. Sebagai contoh pada *Bab al-Huruf al-Lati Qarubat Makharijuha*. Perbezaan yang berlaku ialah pada surah al-Baqarah ayat 284:

(يُعَذِّبُ مَنْ)

Perkataan **يُعَذِّبُ** di atas dibaca *idgham* dengan {من} di kalangan kebanyakan *qurra'* termasuk Qalun daripada Tariq Abi Nashit. Adapun bacaan beliau dengan *izhar* adalah daripada Tariq al-Hulwani. Walaubagaimanapun, Warsh membacanya dengan *izhar* tanpa ada khilaf.

#### ii. Warsh daripada Tariq al-Azraq dan al-Asbahani

Apabila wujud perbezaan bacaan di antara Qalun dan Warsh, al-Tarmasi menerangkan perbezaan tersebut dengan jelas. Sebagai contoh pada *Bab al-Huruf al-Lati Qarubat Makharijuha*. Perbezaan yang berlaku pada huruf **ر** dan **وَالْقَلْمِ** (Al-Quran, al-Qalam, 68:1-2) dalam ayat:

(رَبِّ وَالْقَلْمِ وَمَا يَسْطُرُونَ)

Perbezaan yang berlaku ialah Qalun membaca dengan *izhar* pada perkataan tersebut tetapi Warsh pula membacanya dengan *idgham* daripada *Tariq al-Azraq*.

Al-Tarmasi juga menyebut nama beberapa *Qurra' Sab'ah* yang berbeza bacaan mereka disebabkan perbezaan *tariq* seperti Hisham daripada *Tariq al-Hulwani* dan Hafs daripada *Tariq Amr* dalam *Bab al-Madd wa al-Qasr*. Walaubagaimanapun, beliau hanya menyebut nama-nama tersebut tanpa menerangkan perbezaan yang berlaku secara detil. Pendekatan ini wajar kerana begitulah yang diputuskan di dalam mukadimah kitabnya ini.

#### 4. Kesimpulan

Kajian ini dilakukan untuk menjustifikasi Qiraat yang digunakan oleh al-Tarmasi dalam manuskrip *Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi'*. Penulis mendapati bahawa Qiraat yang turut dibentangkan di dalam manuskrip ini ialah *al-Qiraat al-Sab'* (القراءات السبع) yang disandarkan kepada tujuh orang Imam Qiraat. Mereka ialah: Imam Nafi', Imam Ibn Kathir, Imam Abu 'Amr, Imam Ibn 'Amir, Imam 'Asim, Imam Hamzah dan Imam al-Kisa'iyy. Setiap Imam dan juga *Qurra'* disebut secara individu dan kolektif. Setiap *Qurra'* yang disebut akan disertakan pula dengan tariqnya jika berlaku perselisihan terhadap sesuatu bacaan.

Seterusnya, penulis juga menganalisis teks manuskrip dengan merujuk kepada kitab-kitab Qiraat yang muktabar di dalam disiplin ilmu Qiraat. Qiraat yang ditampilkan di dalam manuskrip ini merupakan Qiraat yang sah lagi mutawatir. Walaupun al-Tarmasi menggunakan kitab *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-Arba'ata 'Ashar* karangan al-Banna sebagai rujukan utama di dalam menghasilkan *Ta'mim* tetapi beliau tidak mengambil riwayat *Qira'at Shadhdhah* daripada rujukan ini untuk dimuatkan di dalam manuskrip beliau. Rujukan-rujukan lain yang turut digunakan di dalam manuskrip ini merupakan rujukan-rujukan yang muktabar. Al-Tarmasi meletakkan dua rujukan asas semasa mengarang manuskrip ini iaitu *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-Arba'ata 'Ashar* karangan al-Banna dan *Tayyibat al-Nashr fi al-Qira'at Al-'Ashr* karangan Ibn al-Jazari. Rujukan ini disebut di dalam muqaddimah *Ta'mim*.

Selain daripada itu, Manuskrip *Ta'mim* juga turut memiliki ciri-ciri sebuah rujukan Qiraat tambahan. Penerimaan Qiraat oleh al-Tarmasi adalah berupa metode *talaqqi* bersanad yang diiktiraf keasliannya di dalam disiplin ilmu tersebut. Al-Tarmasi menyebut susur galur periwayatan bacaan yang diterima oleh beliau dan direkodkan di dalam *Kifayat al-Mustafid li ma 'Ala min al-Asanid* dan *al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qira'at al-'Ashriyyah*. Sesungguhnya ia merupakan bukti kesungguhan serta kekekalan beliau di dalam disiplin ilmu dan juga berkarya. Contoh keazaman ini sewajarnya diikuti oleh para pelajar dan penulis.

#### Rujukan

Al-Quran.

Al-Banna, Ahmad bin Muhammad, 1422H/2001M, *Ithaf Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-Arba'ata 'Ashar*, Dar Kitab Ilmiyyah, Beirut.

Bazmul, Muhammad Umar Salim, *al-Qira'at wa Athruha fi Al-Tafsir wa al-Ahkam*. 1412H/1991M, Dar al-Hijrah, cet 1, jil. 1. Arab Saudi.

Sha'bani Muhammad Isma'il, 1420H/1999M, *al-Qira'at Ahkamuha wa Masdaruhu*, Dar al-Salam, Kaherah.

Al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz Abdulllah, *al-Khal'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khairiyah*, 2007, Demak, Indonesia, hlm.၂၁

Al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz, 1320H, *Kifayat al-Mustafid li ma 'Ala min al-Asanid*, Matba'ah al-Mashhad al-Husayni, Mesir.

[lms.kuis.edu.my/.../Hadis\\_Jurnal\\_Bil\\_1\\_2.pdf](http://lms.kuis.edu.my/.../Hadis_Jurnal_Bil_1_2.pdf).

Al-Tarmasi, Muhammad Mahfuz Abdulllah, 1324H/1907H, *Ta'mim al-Manafi' fi Qiraat al-Imam Nafi'*, Mekah.

Edwar Djamaris, *Metode Penelitian Filologi*, 2002, CV Manasco, Jakarta.

Al-Dhahabi 'Uthman, 1419H/1988M, *Ma'rifat al-Qurra' al-Kibar 'Ala al-Tabaqat wa al-Asar*, Mu'assasat al-Risalah, Beirut, cet 2.

Ibn al-Jazari, 1421H/2000M, *Tahbir al-Taysir fi al-Qira'at al-'Ashr*, Dar al-Furqan, cet.1. Beirut.